

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Haji Mahfuz bin Omar
[Pokok Sena]
TARIKH : 31 Oktober 2016 (Isnin)
SOALAN : Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kebergantungan sumber bekalan daging lembu dari luar negara dan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menghidupkan kembali Projek National Feedlot Corporation Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha bagi mengurangkan kebergantungan sumber bekalan daging lembu dari luar negara melalui beberapa program pembangunan dalam sektor ini, antaranya:-

- i. Mewujudkan program integrasi ternakan lembu dengan kelapa sawit secara berskala besar melalui pendekatan NKEA melalui program EPP5 yang sehingga kini telah berupaya meningkatkan bilangan induk sehingga 33,389 ekor dari agihan asal oleh kerajaan berjumlah 7,588 ekor; dan
- ii. Melaksanakan program TKPR (Taman Kekal Pengeluaran Ruminan)

Sehingga kini sejumlah 15 kawasan TKPR telah dibangunkan dengan 876.5 hektar keluasan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 67 unit kandang telah dibangunkan dengan dikawal selia oleh 50 pengusaha. Data populasi ladang menunjukkan pada tahun 2015 sejumlah 9,503 ternakan telah dihasilkan dan sehingga Ogos 2016, sejumlah 8,772 ekor telah dikeluarkan. Ini termasuk 2 syarikat yang telah melaksanakan program secara *integrated*, iaitu JCorp. dan Felda Gedung Makanan (FGM). Namun begitu, kapasiti sistem *integrator* yang

dijalankan oleh kedua-dua syarikat ini masih kecil dan hanya meliputi jumlah pengusaha yang kecil (5 – 10 penyertaan).

Berkenaan cadangan bagi membangunkan semula *National Feedlot Corporation* (NFC), suka dimaklumkan bahawa kes berkaitan NFC masih lagi dibicarakan di mahkamah. Walaubagaimanapun, Kementerian sememangnya mempunyai perancangan untuk membangun dan memajukan semula kawasan berkenaan tertakluk kepada keputusan mahkamah kelak.